

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

**MENTAL
HEALTH**

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada
Usahawan Pesisiran Pantai*

**BULUT
LUNING**



**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*


HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes


eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025



REVOLUSI DAKWAH DIGITAL: FENOMENA VIDEO KAPSUL

Nurul Nisha Mohd Shah¹, Mohd Radzman Basiron²
Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, Malaysia¹
Sixty-six Action Academy, Kuala Lumpur, Malaysia²

Emel Koresponden: nurulnisha@uitm.edu.my

Bayangkan anda sedang menatal (scroll) Instagram atau TikTok dan tiba-tiba, satu video pendek muncul. Dalam masa 60 saat, anda dihidangkan dengan satu pengajaran Islam yang mendalam, disampaikan dengan cara yang begitu memikat sehingga anda tidak sedar yang anda telah menekan butang kongsi (share). Inilah realiti kehidupan hari ini, di mana kebijaksanaan berabad-abad Islam telah dikemas kini untuk generasi digital.

"Video Kapsul Dakwah" - istilah ini mungkin asing bagi sesetengah pihak namun kini sudah menjadi sebutan ramai. Seperti ubat di dalam kapsul yang padat dengan bahan aktif, video-video ringkas ini padat dengan ilmu dan hikmah, namun disampaikan dalam bentuk yang mudah dihadam oleh minda moden kita.

Fenomena ni bukan sekadar trend yang akan hilang seperti buih teh tarik yang dikacau namun ia merupakan satu revolusi senyap dalam dunia dakwah Islam. Mari kita berfikir sejenak, jika dahulu, kita perlu menghadiri kuliah selama berjam-jam dan membaca kitab-kitab tebal hanya semata-mata untuk mempelajari satu topik tentang ilmu Islam. Tapi sekarang, cukup sekadar swipe saja di telefon bimbit dan boom! - kita telah memperolehi segudang ilmu yang boleh mengubah perspektif hidup.

Walaupun bagaimanapun, jangan salah anggap terhadap video kapsul ini. Walaupun berdurasi pendek namun ia mampu memberikan impak yang luar biasa. Seperti vitamin harian untuk jiwa, setiap dos kecil itu boleh memberi kesan yang besar apabila dikumpul dari masa ke masa. Dari golongan remaja yang baru hendak kenal agama, sampailah kepada orang dewasa yang ingin mengulang-kaji pengetahuan, semua tahap umur boleh mendapat manfaat daripada video kapsul ini.



Apa yang menyebabkan "Video Kapsul Dakwah" ini menjadi seakan api yang merebak di hutan media sosial? Kenapa tiba-tiba ramai orang tertarik dengan cara penyampaian Islam seperti ini? Namun apa yang lebih utama, bagaimana fenomena ini telah mengubah landskap dakwah Islam dalam dunia yang semakin digital?

Jom, kita selami lebih dalam tentang fenomena yang telah berjaya membuatkan ramai orang 'ketagih' kepada ilmu agama - satu ketagihan yang mungkin diperlukan oleh semua bagi memberikan ruang mencipta ketenangan dalam dunia yang penuh dengan gangguan ini.

Kriteria Video Kapsul Dakwah adalah seperti berikut:



Pendek tetapi Padat

Video kapsul ini biasanya antara 15 saat hingga 1 minit je. Sungguhpun begitu, ia masih boleh menyampaikan mesej yang kuat dan lengkap. Sebagaimana kajian yang telah dilaksanakan oleh Microsoft, kadar tumpuan manusia pada zaman kini telah menurun kepada lapan saat sahaja. Oleh itu, kaedah pembelajaran melalui video pendek amat sesuai dengan cara otak kita bekerja sekarang.



Visualisasi yang Menarik

Kajian mendapati otak manusia memproses visual dengan kadar 60,000 kali lagi cepat berbanding teks. Oleh itu, bermodalkan grafik yang cantik, animasi yang lancar dan transisi yang menarik dan eye-catching, maka kaedah video kapsul dakwah ini dapat menjadikan mesej yang disampaikan lebih melekat dalam ingatan.



Penceritaan (Storytelling) yang Berkesan (Effective)

Salah satu kelainan yang ditonjolkan dalam video kapsul ini adalah penggunaan teknik storytelling. Sebagai contoh, penceritaan dimulakan dengan satu situasi yang berkaitan dengan situasi yang ingin dikupas. Selepas itu, ditonjolkan pula 'plot twist' yang akan membuatkan penonton berfikir. Pada akhir cerita itu pula dimasukkan elemen nasihat untuk dijadikan pedoman. Teknik ni sebenarnya menggunakan ilmu psikologi iaitu cerita yang ditonton boleh meningkatkan pengeluaran hormon oxytocin dalam otak; hormon yang membuatkan kita berasa empati dan beremosi.



Bahasa Santai tetapi Tepat dan Sampai

Perbualan dalam video kapsul ini juga menggunakan bahasa harian yang ringkas dan mudah difahami. Walau bagaimanapun, ketepatan maksud mesej yang ingin disampaikan tetap dijaga. Hal ini selaras dengan prinsip dakwah dalam Islam yang sentiasa menekankan 'hikmah' atau kebijaksanaan dalam penyampaian.



Walaupun video kapsul ini sering dipandang mudah namun ia bukanlah sekadar mengumpul 'Likes' dan 'Shares' sahaja. Banyak perubahan besar yang telah dibawa oleh fenomena pelaksanaan dakwah terutamanya di media sosial.

1

Demokratisasi Ilmu Islam

Jika dahulu, untuk mendapatkan sesuatu ilmu terutamanya ilmu agama, kita perlu menghadirkan diri ke madrasah atau masjid. Berbeza dengan zaman kini, setiap orang mempunyai akses kepada video ceramah atau pengajaran agama. Kita boleh belajar pada bila-bila masa dan di mana juga. Kajian juga mendapati bahawa 62.0 peratus pengguna internet di Malaysia menggunakan media sosial untuk mencari info tentang agama. Maka, ia telah membuka ruang dan peluang kepada semua orang untuk belajar.

2

Menarik Minat Generasi Muda

Gen Z dan Millennials yang selalu dituduh 'jauh dari agama' sebenarnya amat tertarik dengan kaedah dakwah sebegini. Hasil dari satu tinjauan yang dijalankan oleh Pew Research Center pada tahun 2022 telah menunjukkan bahawa 73.0 peratus remaja Muslim di Asia Tenggara menggunakan media sosial untuk belajar tentang Islam. Fenomena ini mencerminkan perubahan paradigma dalam cara generasi muda mendekati dan memahami agama. Video kapsul dakwah, dengan formatnya yang ringkas dan menarik telah berjaya menjadi jambatan atau mempertemukan titik jurang antara tradisi keagamaan dan realiti digital yang menjadi sebahagian besar kehidupan anak muda hari ini.

3

Membuka Ruang Dialog

Ruangan komen pada video-video ini telah berkembang menjadi forum perbincangan mini yang dinamik. Para penonton mempunyai peluang untuk mengajukan pertanyaan, berkongsi pengalaman peribadi dan bahkan melibatkan diri dalam perbincangan intelektual. Fenomena ini sebenarnya menghidupkan semula tradisi perbincangan ilmu dalam Islam, namun kini dalam bentuk digital yang lebih mudah diakses. Perkembangan ini mencerminkan konsep 'halaqah' dalam tradisi keilmuan Islam, di mana pelajar berkumpul mengelilingi guru untuk berdiskusi dan mendalami ilmu. Dalam konteks moden, ruangan komen ini berfungsi sebagai 'halaqah digital', membolehkan pertukaran idea dan pengetahuan berlaku merentasi sempadan geografi dan masa.

Walaupun bagaimanapun, perlu diakui bahawa medium ini juga membawa cabaran tersendiri. Ketiadaan interaksi bersemuka boleh mengakibatkan salah faham atau penyebaran maklumat yang tidak tepat. Oleh itu, adalah penting bagi penghasil kandungan dan pentadbir platform untuk memantau dan menguruskan perbincangan ini dengan teliti, memastikan ia kekal konstruktif dan beretika.

Video kapsul dakwah mungkin kelihatan seperti sekadar satu trend semasa dalam lanskap media digital. Namun, hakikatnya, fenomena ini merupakan suatu revolusi senyap yang mentransformasi kaedah pembelajaran dan perkongsian ilmu Islam. Inovasi ini bukan sahaja menjadikan dakwah lebih mudah diakses, malah ia turut membuka ruang yang lebih luas untuk perbincangan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang ajaran Islam.

Konsep ini sebenarnya menghidupkan semangat hadis Nabi Muhammad SAW yang berbunyi, "Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat" (Sahih al-Bukhari, 3461). Video-video pendek ini boleh dilihat sebagai manifestasi moden daripada ajaran tersebut, di mana generasi kontemporari menterjemahkan semangat penyebaran ilmu dalam konteks era digital. Ia membuktikan bahawa prinsip-prinsip asas Islam tetap relevan dan boleh disesuaikan dengan perkembangan teknologi semasa.

Walaupun bagaimanapun, adalah penting untuk mengimbangkan kelebihan format ringkas ini dengan keperluan untuk mengekalkan kedalaman dan ketepatan ajaran Islam. Para penghasil kandungan dan ulama perlu bekerjasama untuk memastikan bahawa mesej yang disampaikan, walaupun ringkas, tetap menepati prinsip-prinsip syariah dan tidak mengurangkan keutuhan ajaran Islam.

Kesimpulannya, fenomena video kapsul dakwah ini merupakan satu perkembangan yang signifikan dalam evolusi dakwah Islam. Ia mencerminkan kesyukuran Islam terus kekal relevan dan dinamik dalam menghadapi cabaran zaman moden. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas jangkauan dakwah, tetapi juga menawarkan cara baharu untuk menghayati dan memahami risalah Islam melalui seluruh alam. Namun, seperti mana-mana inovasi, ia perlu dimanfaatkan dengan bijaksana dan bertanggungjawab untuk memastikan kesinambungan dan keutuhan ajaran Islam dalam era digital.

- Merupakan pandangan peribadi para penulis.





BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com